

## **TEKS UCAPAN**

**Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis**

***Brig. Jen. Dato' Prof Dr Kamarudin Hussin,***

**Sempena Majlis Makan Malam Bersama KOPERTIS, Indonesia**

**Pada 29 Julai 2011**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh dan  
Salam Sejahtera

Yang Berbahagia, Prof. Ir. Dr. Moehammed Nawawiy Loebis,  
Koordinator, Koordinasi Perguruan Tinggi Swasta Wilayah I,  
Nanggroe Aceh Darussalam – Sumatera Utara (KOPERTIS),

Yang Berusaha Prof Madya Prof. Madya Dr. Syaharom bin  
Abdullah, Dekan Pusat Hal Ehwal Antarabangsa, UniMAP

Wakil-wakil dari KOPERTIS,

Ketua-ketua Jabatan dan staf UniMAP,

Wakil-wakil Media serta Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya  
hormati sekalian,

Bersyukur kehadiran Ilahi dengan limpah rahmat dan InayahNya dapat kita bersama pada malam ini dalam satu Majlis Makan Malam penghargaan UniMAP buat seluruh pegawai dan ahli KOPERTIS yang banyak membantu dan memberikan kerjasama dalam merealisasikan Majlis MoU siang tadi.

Setinggi-tinggi penghargaan saya kalungkan buat Prof Ir. Dr. Moehammed Nawawiy Loebis, Koordinator, Koordinasi Perguruan Tinggi Swasta Wilayah I, Nanggroe Aceh Darussalam – Sumatera Utara (KOPERTIS) dan semua ahli di atas kerjasama yang dijalinkan. Saya amat berharap kerjasama antarabangsa ini akan memberikan pelbagai faedah dan kebaikan buat kedua-dua pihak. Saya amat gembira dengan komitmen yang diberikan ahli KOPERTIS dan semua dalam melibatkan diri di sepanjang program ini berlangsung.

**Malam Gelap Diterangi Lilin,  
Sungai Luas Dihubungkan Titi,  
Tangan Dihulur Jalinan Terjalin,  
Kerjasama Dieratkan Tingkatkan Kualiti,**

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Untuk makluman semua ahli KOPERTIS, UniMAP atau dahulunya dikenali sebagai Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) mula ditubuhkan pada tahun 2002 yang mana pada tahun hadapan ia bakal menginjak ke usia sepuluh tahun. Dalam usia sepuluh tahun ini, UniMAP sentiasa berusaha menempatkan diri dalam kelompok terbaik dikalangan Universiti

sedia ada. UniMAP merupakan Institusi pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang ke-17 ditubuhkan di Malaysia.

Pelbagai kejayaan telah kami raih dalam semua lapangan yang diceburi antaranya penyelidikan, akademik, sukan, kebudayaan dan pelbagai lagi sama ada di peringkat tempatan ataupun antarabangsa. Dan pencapaian ini secara tidak langsung menyuntik motivasi kepada kami warga UniMAP untuk terus berusaha memberikan yang terbaik selaras dengan falsafah pendidikan negara iaitu memberikan tumpuan untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada tuhan.

Apa yang boleh saya kongsi dari bidang penyelidikan adalah pencapaian terkini UniMAP pada Mei lalu iaitu, UniMAP terus melakar kejayaan apabila berjaya meraih 11 pingat emas sekaligus merangkul johan keseluruhan pada International Invention, Innovation Industrial Design and Technology Exhibition (ITEX) ke 22, 2011 yang diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur. Pada pameran tersebut 722 produk penyelidikan dipertandingkan dari 14 negara iaitu Malaysia, Russia, Poland, Canada, Saudi Arabia, Iran, Sri Lanka, the Philippines, Korea, China, Hong Kong, Taiwan, Brunei and Vietnam.

Baru-baru ini juga, Institut Kecemerlangan Nano Elektronik (INEE) UniMAP yang ditubuhkan pada tahun 2008 telah diiktiraf

sebagai salah sebuah Pusat Kecemerlangan Nano Malaysia oleh Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi Malaysia. Pada peringkat awal sebanyak 17 Pusat Penyelidikan Nano Teknologi telah disenarai pendek tetapi buat masa sekarang, hanya 5 yang terpilih sebagai Pusat Kecemerlangan atas kecemerlangan penemuan dan penyelidikan dalam bidang Nano Teknologi.

UniMAP juga telah meraih kemenangan dalam bidang sukan dimana menjuarai Sukan Kakitangan Universiti-universiti Malaysia (SUKUM) Kali Ke-36 untuk kali keempat berturut-turut. Saya percaya, untuk menjadi sebuah universiti yang berdaya saing, UniMAP perlu lebih agresif serta proaktif dalam semua bidang dan itulah yang UniMAP usahakan selama ini bagi menjadikan UniMAP terkenal bukan sahaja diperingkat tempatan tetapi dipersada antarabangsa.

Hadirin sekalian,

Sebagai Naib Canselor, saya sentiasa berusaha untuk menjadikan UniMAP sebagai sebuah universiti penyelidikan yang terkemuka dan dapat membawa pembaharuan dalam akademik dan sebagai universiti yang unggul di rantau Asia. Dan baru-baru ini, UniMAP berjaya membuktikan kemampuan sebagai universiti yang terkehadapan terutama dalam kategori Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) melalui perkembangan program akademik, penyelidikan, serta pengkhususannya yang cekap dan dinamik selaras matlamat penubuhan UniMAP.

Lebih membanggakan lagi, pada tahun ini kita menerima perkhabaran yang cukup menggembirakan apabila UniMAP tersenarai sebagai enam universiti terbaik di Malaysia jika diukur melalui pencapaian My Research Assessment atau MyRA. UniMAP telah diberikan penarafan 4 bintang bagi kategori universiti berfokus untuk tahun 2008 hingga 2010 sekaligus memperbaiki pencapaian pada tahun 2007-2009 iaitu hanya tiga bintang.

Pencapaian ini adalah sesuatu yang amat membanggakan UniMAP apatah lagi lima universiti yang mengungguli kedudukan lima teratas merupakan Universiti Penyelidikan iaitu Universiti Sains Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia dan Universiti Teknologi Malaysia.

Saya berharap jalinan yang terjalin antara UniMAP dan KOPERTIS mampu meningkatkan pelbagai pencapaian serta merangka lebih banyak aktiviti yang boleh dimanfaatkan bersama. UniMAP sentiasa menadah tangan menerima kehadiran Ahli kopertis ke Perlis dan sentiasa bersedia berkongsi kepakaran yang ada.

Sekian,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.